

EK

ECONEWS

NEGARA-NEGARA G-15 HARUS SEPADUKAN EKONOMI. KATA PM

KUALA LUMPUR, 8 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan supaya kumpulan 15 negara (G-15), yang mengandungi negara membangun di Selatan, menerokai kemungkinan mengadakan perhubungan dengan ekonomi Asia Timur dan mengubah hala daripada bergantung kepada negara-negara Utara untuk mendapatkan bantuan, pemindahan teknologi dan kepakaran pengurusan.

Katanya, masanya agak sesuai untuk negara-negara Selatan memegang tampok urusan perjalanan mereka daripada terus menyerah diri untuk diperintah oleh orang lain.

"Saya yakin pasaran-pasaran yang tertentu boleh didapati untuk menyepadukan ekonomi kita," katanya pada pembukaan mesyuarat pakar kumpulan G-15 yang pertama mengenai Pertukaran Maklumat mengenai Dasar Ekonomi Kebandsaan Negara-Negara Anggota di sini.

Katanya, kepelbagaian di dalam paras pembangunan negara-negara Selatan mesti dilihat sebagai satu peluang untuk menubuhkan hubungan yang lebih baik kerana menguruskan ekonomi mereka secara kumpulan akan melengkapinya kerjasama dalam pengeluaran, perdagangan dan pelaburan.

Sambil menyatakan usaha-usaha harus dibuat oleh negara-negara anggota untuk meningkatkan hubungan dan kerjasama Selatan-Selatan, Dr Mahathir berkata Selatan perlu melihat pada diri sendiri untuk lebih kreatif serta mempunyai potensi untuk mempercepatkan pembangunan dan pertumbuhan.

Beliau menambah negara-negara Selatan mempunyai banyak yang boleh ditawarkan kepada masing-masing daripada segi peluang perdagangan dan pelaburan, berdasarkan fakta bahawa jumlah keseluruhan penduduk negara-negara anggota G-15 mempunyai potensi pasaran untuk 1.600 juta pengguna.

Dr Mahathir berkata, walaupun negara-negara ini mengeluarkan barangan yang serupa dan menjadi saingan kepada masing-masing, terdapat juga banyak barangan yang boleh didagangkan secara berguna kepada satu sama lain.

Contohnya, beliau berkata, setengah-setengah negara Amerika Latin mempunyai teknologi yang agak maju dan dapat menawarkan peluang untuk

bekerjasama.

"Yang lain mungkin mempunyai kepakaran dalam perdagangan dan kegiatan perkhidmatan dan yang lain juga mempunyai sumber asli yang besar atau jumlah besar penduduk yang bekerja atau pasaran tempatan.

"Kesemua strategi ini boleh membentuk asas yang berguna untuk perdagangan, pelaburan serta perhubungan ekonomi yang lebih banyak pada masa akan datang, hanya jika kita sanggup bersama selalu untuk berbincang serta mengenalpasti bidang-bidang yang mendatangkan faedah bersama dan bertindak ke atasnya." tambahnya. -

Perdana Menteri berkata untuk memelihara perhubungan seperti itu, semua negara di Selatan mestilah meletakkan ekonomi mereka pada kedudukan yang kukuh bagi kestabilan ekonomi dan politik, bukan sekadar untuk meneruskan penjimatan dan pelaburan tempatan, malah bagi menarik aliran pelaburan asing.

Katanva, tanpa kestabilan yang dijangkakan seperti itu, tuntutan ekonomi dan sosial akan tertumpu kepada aktiviti-aktiviti spekulasi yang tidak akan membuahkan keuntungan jangka panjang.

Dr Mahathir juga berkata, realiti tersebutlah yang telah mendorong penubuhan Mesyuarat Pakar Kumpulan G-15 untuk Pertukaran Maklumat Mengenai Dasar Ekonomi Kebangsaan Negara-negara Anggota (EINEP).

Katanva, dalam mesyuarat tersebut para teknokrat yang bertanggungjawab dalam perancangan ekonomi akan berpeluang untuk memperolehi maklumat awal dan persefahaman yang baik tentang kedudukan ekonomi negara-negara anggota dan dasar ekonomi mereka.

"Potensi untuk meluaskan kerjasama ekonomi Selatan-Selatan akan dapat dikenalpasti dan amat berguna," katanva yang menambah, untuk jangka pendek mesyuarat tersebut diharap dapat mencapai objektif yang sederhana. -- Lagi

EK  
ECONEWS  
NEGARA-NEGARA G-15 & KUALA LUMPUR

Katanya, pada dasarnya EINEP akan menyediakan pendedahan tentang dasar ekonomi tempatan, pengemaskinian maklumat ekonomi, membangunkan rangkaian maklumat untuk merangka tindakan-tindakan strategik dalam hubungan Utara-Selatan, menyediakan saluran untuk menyelesaikan isu-isu kontroversi dan memperkukuh hubungan kerjasama antara perancang-perancang ekonomi.

Bagi menyediakan dorongan awal untuk perbincangan dalam mesyuarat itu, Dr Mahathir menyebut beberapa pengalaman besar Malaysia bagi memulakan perbincangan.

Beliau berkata, pada dua dekad yang lepas Malaysia telah membuktikan "membangun dengan adil" adalah objektif yang bersesuaian yang telah membawa kejayaan di negara ini.

Strategi pembangunan di Malaysia bertumpu kepada pembangunan seimbang dan menarik perhatian dunia sepanjang pertengahan lapan puluhan dengan menerapkan dasar-dasar yang menekankan perihal jimat-cermat, kecekapan dan meningkatkan produktiviti, program orientasi pasaran, dasar pembahagian semula yang matang dan pelaburan dalam sumber manusia.

Mengekalkan kestabilan harga adalah satu tugas yang sukar bagi negara-negara membangun, tambahnya, dan kerananya ia merupakan cabaran untuk meneroka kemungkinan pembangunan lebih tinggi dengan kadar infasi yang rendah.

Beliau juga berkata, Malaysia telah berjaya menjalankan dasar nenswastaan, pelonggaran dan sikap liberal ekoran kemunculan sektor usahawan swasta yang kuat dan seimbang.

"Untungnya kami tidak membuat banyak kesilapan dan ia dapat disaksikan melalui penswastaan agensi-agensi yang telah menunjukkan kemajuan nyata dari segi kecekapan dan keuntungannya.

"Kami telah memperolehi banyak pengalaman dalam menjalankan dasar ini dan telah digunakan bagi menggerakkan pentadbiran ekonomi negara dengan baik dan positif dan kami bersedia untuk berkongsi pengalaman ini dengan negara-negara anggota G-15 yang lain," tambahnya.

Dr Mahathir berharap mesyuarat ini berupaya mewujudkan siri-siri mesyuarat biasa seperti itu antara para perancang ekonomi anggota G-15 bagi membolehkan mereka merangka cadangan program-program untuk diserap dan dijalankan oleh negara-negara membangun.

Yang lebih penting, beliau mengharapkan agar hubungan ekonomi yang lebih baik antara negara-negara G-15 dapat diwujudkan bagi merangka arah hadapan masing-masing. -- Bernama